

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

AMALAN NOTA 13

KEHENDAK-KEHENDAK BAGI PENGARAH DAN PENANDATANGAN AKUAN BERKANUN BAGI AKAUN

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	1 Januari 2003
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009, 1 Jun 2013, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018, 1 Oktober 2020
	Perenggan 1.01, 9.27, 15.07, 15.09

1.0 Pengenalan

1.1 Seseorang pengarah yang dilantik untuk bertindak sebagai “pengarah bebas” seseorang pemohon atau penerbit tersenarai mesti memenuhi takrif “pengarah bebas” yang dinyatakan dalam perenggan 1.01 Kehendak-Kehendak Penyenaraian (“**takrif tersebut**”). Takrif tersebut berbunyi seperti yang berikut:

*“**pengarah bebas**” ertinya pengarah yang bebas daripada pengurusan dan bebas daripada apa-apa perniagaan atau hubungan lain yang boleh mengganggu pelaksanaan penghakiman bebas atau keupayaan untuk bertindak demi kepentingan terbaik pemohon atau penerbit tersenarai. Tanpa mengehadkan keluasan peruntukan di atas, pengarah bebas ialah seorang yang -*

- (a) *bukan seorang pengarah eksekutif pemohon, penerbit tersenarai atau mana-mana perbadanan berkaitan bagi pemohon atau penerbit tersenarai itu (setiap perbadanan disebut “**Perbadanan tersebut**”);*
- (b) *bukan, dan tidak pernah dalam tempoh 3 tahun yang lepas, merupakan seorang pegawai (kecuali sebagai pengarah bebas) Perbadanan tersebut. Bagi maksud ini, “**pegawai**” mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 2 Akta Syarikat;*
- (c) *bukan seorang pemegang syer utama Perbadanan tersebut;*
- (d) *bukan anggota keluarga mana-mana pengarah eksekutif, pegawai atau pemegang syer Perbadanan tersebut;*
- (e) *tidak bertindak sebagai penama atau wakil mana-mana pengarah eksekutif atau pemegang syer utama Perbadanan tersebut (perenggan ini disebut “**perenggan (e)**”);*

Nota Amalan 13
Kehendak-kehendak bagi Pengarah dan Penandatanganan
Akuan Berkanun bagi Akaun

- (f) *tidak pernah dilantik sebagai penasihat oleh Perbadanan tersebut dalam hal keadaan yang ditetapkan oleh Bursa, atau bukan pada masa itu seorang rakan kongsi, pengarah (kecuali sebagai pengarah bebas) atau pemegang syer utama, mengikut mana-mana yang berkenaan, sesuatu firma atau perbadanan yang menyediakan perkhidmatan penasihat profesional kepada Perbadanan tersebut dalam hal keadaan yang ditetapkan oleh Bursa (perenggan ini disebut “**perenggan (f)**”); atau*
- (g) *tidak pernah terlibat dalam apa-apa transaksi dengan Perbadanan tersebut dalam hal keadaan yang ditetapkan oleh Bursa, atau bukan pada masa itu seorang rakan kongsi, pengarah atau pemegang syer utama, mengikut mana-mana yang berkenaan, sesuatu firma atau perbadanan (selain anak syarikat pemohon atau penerbit tersenarai) yang terlibat dalam apa-apa transaksi dengan Perbadanan tersebut dalam hal keadaan yang ditetapkan oleh Bursa (perenggan ini disebut “**perenggan (g)**”).*
- 1.2 Menurut perenggan 9.27 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, pengarah atau orang yang terutamanya bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan penerbit tersenarai, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menandatangani akuan berkanun menurut seksyen 251(1)(b) Akta Syarikat (“**penandatanganan**”) mesti memenuhi kehendak yang ditetapkan dalam perenggan 9.27 itu (“**kelayakan yang diperlukan**”).
- 1.3 Selanjutnya, perenggan 15.09 Kehendak-Kehendak Penyenaraian juga menyatakan bahawa sekurang-kurangnya seorang anggota jawatankuasa audit mesti memenuhi kelayakan yang diperlukan (“**anggota jawatankuasa audit tersebut**”).
- 1.4 [Dipotong].
- 1.5 [Dipotong].
- 1.6 Nota Amalan ini menjelaskan yang berikut:
- (a) aspek tertentu takrif tersebut; dan
- (b) kelayakan yang diperlukan berhubung dengan penandatanganan dan anggota jawatankuasa audit tersebut.
- (c) [dipotong].

I. KEBEBASAN PENGARAH

2.0 Am

- 2.1 Pengarah mesti melaksanakan semangat, hasrat dan tujuan takrif tersebut. Sekiranya seseorang tidak tergolong dalam mana-mana perenggan (a) hingga (g) takrif tersebut, ia tidak bermakna bahawa orang itu secara automatic layak menjadi pengarah bebas. Pengarah yang berkaitan serta lembaga pengarah pemohon atau penerbit tersenarai masih mesti menggunakan pakai ujian sama ada pengarah itu berupaya menjalankan penghakiman bebas dan bertindak demi kepentingan terbaik pemohon atau penerbit tersenarai sebagaimana yang dinyatakan dalam takrif tersebut.
- 2.2 Perenggan 3.0 hingga 5.0 Nota Amalan ini mesti dibaca berhubung dengan takrif tersebut.

Nota Amalan 13
Kehendak-kehendak bagi Pengarah dan Penandatanganan
Akaun Berkanun bagi Akaun

3.0 Perenggan (e)

- 3.1 “**Penama**” sebagaimana yang digunakan dalam perenggan (e) ertinya seseorang yang telah ditetapkan untuk bertindak bagi orang lain di tempatnya. Ia melambangkan seseorang yang sudah biasa, atau mempunyai obligasi, sama ada rasmi atau tidak rasmi untuk bertindak mengikut hala tuju, arahan atau kemahuan seseorang lain.
- 3.2 Seseorang penama atau wakil pemegang syer utama yang memenuhi semua kehendak takrif “pengarah bebas” kecuali bagi perenggan (e) tersebut, boleh walau apa pun dianggap sebagai “pengarah bebas” sekiranya -
- (a) pemegang agregat pemegang syer utama dalam Perbadanan tersebut, secara langsung atau tidak langsung, tidak lebih daripada 15% daripada jumlah bilangan syer yang diterbitkan (tidak termasuk syer perbendaharaan) Perbadanan tersebut;
 - (b) pemegang syer utama tidak disifatkan sebagai penaja Perbadanan tersebut; dan
 - (c) pemegang syer utama ialah sama ada -
 - (i) suatu institusi berkanun yang menguruskan dana yang dipunyai oleh orang awam; atau
 - (ii) suatu entiti yang ditubuhkan sebagai suatu skim pelaburan kolektif, seperti dana tertutup, unit amanah atau dana pelaburan (tetapi tidak termasuk syarikat pemegang pelaburan).

4.0 Perenggan (f)

- 4.1 Berhubung dengan perenggan (f), seseorang yang dicadangkan untuk menjadi atau ialah pengarah bebas (“**Pengarah tersebut**”) hilang kelayakan daripada menjadi pengarah bebas sekiranya dia –
- (a) telah secara peribadi memberikan perkhidmatan penasihat profesional kepada Perbadanan tersebut dalam tempoh 3 tahun yang lepas; atau
 - (b) pada masa ini ialah seorang rakan kongsi, pengarah (kecuali sebagai pengarah bebas) atau pemegang syer utama, sesuatu firma atau perbadanan (“**Entiti**”) yang telah memberikan perkhidmatan penasihat profesional kepada Perbadanan tersebut dalam tempoh 3 tahun yang lepas,
- dan agregat balasan melebihi 5% daripada hasil kasar atas asas disatukan (jika berkenaan) Pengarah tersebut atau Entiti atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- 4.2 Bagi maksud perenggan 4.1 di atas, yang berikut terpakai:
- (a) jika Entiti ialah suatu perbadanan, pengiraan hasil kasar Entiti mesti berdasarkan penyata kewangan teraudit tahunannya bagi 3 tahun kewangan yang lepas; dan
 - (b) jika perkhidmatan diberikan oleh Pengarah tersebut secara peribadi atau oleh Entiti selain perbadanan, pengiraan hasil kasar mesti berdasarkan penyata cukai pendapatan Pengarah tersebut atau Entiti, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi 3 tahun yang lepas.

Nota Amalan 13
Kehendak-kehendak bagi Pengarah dan Penandatanganan
Akaun Berkanun bagi Akaun

5.0 Perenggan (g)

5.1 Berhubung dengan perenggan (g), Pengarah tersebut hilang kelayakan daripada menjadi pengarah bebas sekiranya dia -

- (a) telah terlibat secara peribadi dalam transaksi dengan Perbadanan tersebut (selain bagi perkhidmatan lembaga sebagai pengarah bebas) dalam tempoh 3 tahun yang lepas; atau
- (b) pada masa itu seorang rakan kongsi, pengarah, pemegang syer utama, suatu Entiti (selain anak syarikat pemohon atau penerbit tersenarai) yang telah terlibat dalam transaksi dengan Perbadanan tersebut dalam tempoh 3 tahun yang lepas,

dan agregat balasan melebihi 5% daripada hasil kasar atas asas disatukan (jika berkenaan) Pengarah tersebut atau Entiti itu atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

5.2 Walau bagaimanapun, "**transaksi**" dalam perenggan 5.1 di atas tidak termasuk transaksi -

- (a) mengikut terma komersil biasa yang dibuat antara Perbadanan tersebut dengan Pengarah tersebut atau antara Perbadanan tersebut dengan suatu Entiti jika Pengarah tersebut juga seorang pengarah, pemegang syer atau rakan kongsi -
 - (i) untuk kegunaan peribadi Pengarah tersebut; atau
 - (ii) untuk pelaburan peribadi Pengarah tersebut tetapi bukan bagi maksud menjalankan perdagangan atau perniagaan;
- (b) mengikut terma komersil biasa yang dibuat antara Perbadanan tersebut dengan suatu Entiti jika Pengarah tersebut juga seorang pengarah (dan bukan pemegang syer utama) tetapi tidak terlibat dalam transaksi tersebut;
- (c) bagi barang dan perkhidmatan yang berikut, dengan syarat bahawa barang dan perkhidmatan itu dijual atau diberikan berdasarkan kadar atau harga tetap tak boleh runding, yang disiarkan atau disebut harga secara umum dan terma material termasuk harga atau caj dipakai secara konsisten bagi semua pelanggan atau kelas pelanggan:
 - (i) peruntukan atau penggunaan perkhidmatan utiliti awam seperti air, elektrik dan telekomunikasi dan data, perkhidmatan pos atau kurier, perkhidmatan oleh orang berlesen sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (selain perkhidmatan penasihat profesional yang tertakluk kepada perenggan 4.1 di atas), insurans, unit amanah, perkhidmatan pembrokeran saham, pengangkutan awam, pendidikan, perkhidmatan perubatan, penyediaan atau penggunaan lebuhraya bertol, kemudahan hotel dan perkhidmatan rekreasi, pembekalan dan penggunaan bahan api secara runcit atau makanan dan minuman di kedai makan, pembekalan dan pembelian barang di saluran keluar runcit seperti pasar raya, pasar raya besar atau gedung serba-serbi; dan
 - (ii) apa-apa jenis barang atau perkhidmatan lain yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.

Nota Amalan 13
Kehendak-kehendak bagi Pengarah dan Penandatanganan
Akaun Berkanun bagi Akaun

5.3 Bagi maksud perenggan 5.1 di atas, yang berikut terpakai:

- (a) jika Entiti ialah suatu perbadanan, pengiraan hasil kasar Entiti mesti berdasarkan penyata kewangan teraudit tahunannya bagi 3 tahun kewangan yang lepas; dan
- (b) jika transaksi dibuat oleh Pengarah tersebut secara peribadi atau oleh suatu Entiti selain suatu perbadanan, pengiraan hasil kasar mesti berdasarkan penyata cukai pendapatan Pengarah tersebut atau Entiti itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi 3 tahun yang lepas.

II. KELAYAKAN YANG DIPERLUKAN BAGI PENANDATANGAN DAN ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT TERSEBUT

6.0 Am

6.1 Perenggan 7.0 Nota Amalan ini mesti dibaca berhubung dengan perenggan 9.27 dan 15.09 Kehendak-Kehendak Penyenaian.

7.0 Kelayakan yang diperlukan

7.1 Bagi maksud perenggan 9.27(c) dan 15.09(1)(c)(iii) Kehendak-Kehendak Penyenaian, kelayakan yang berikut juga boleh diterima:

- (a) salah satu daripada kelayakan yang berikut dan sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman pasca kelayakan dalam perakaunan atau kewangan:
 - (i) ijazah sarjana muda/ijazah sarjana/ijazah kedoktoran dalam perakaunan atau kewangan; atau
 - (ii) anggota mana-mana organisasi perakaunan profesional yang telah diterima masuk sebagai anggota penuh Persekutuan Antarabangsa Akauntan;atau
- (b) sekurang-kurangnya pengalaman selama 7 tahun sebagai ketua pegawai kewangan sesuatu perbadanan atau mempunyai fungsi sebagai bertanggungjawab terutamanya bagi pengurusan hal-ehwal kewangan sesuatu perbadanan.

III SEKATAN TENTANG BILANGAN PEMEGANGAN JAWATAN PENGARAH

[Dipotong]